

BERITA HARIAN, ISNIN, 16 JANUARI, 1978

Mahathir: Peranan pengurus penting untuk negara

KUALA LUMPUR, Ahad.— Kerajaan sedang giat melatih para pengurus kerana ia menganggap pengurus dan pengurusan penting untuk pembangunan negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datok Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Katanya, Penubuhan Institut Pentabiran Awam Negara (Intan), Pusat Daya Pengeluaran Negara dan juga Institut Teknologi Mara adalah bukti tentang penghargaan kerajaan terhadap para pengurus dan pengurusan.

Belliau berucap di majlis penubuhan Kelab Alumni Pusat Pengajian Perdagangan Harvard Malaysia di sini. Beliau ialah penaung kelab tersebut. Datok Seri Dr. Mahathir berkata, beliau gembira bahawa sektor swasta juga sedar tentang peranan pengurusan dan latihan untuk para pengurus.

"Institut Pengurusan Malaysia sedang giat dalam usaha latihan ini. Saya yakin Kelab Alumni ini juga akan terlibat dalam latihan itu, jika tidak secara langsung, sebanyak sedikit akan terlibat," tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan dalam usahanya melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan penyusunan semula masyarakat, telah terhalang kerana kekurangan para pengurus yang berkebolehan terutama di kalangan Bumiputera.

Peluang, lesen dan modal akan sia-sia saja tanpa pengurusan yang mahir di kalangan Bumiputera, tegasnya.

Datok Seri Dr. Mahathir berharap ahli-ahli alumni akan menyebarkan kemahiran pengurusan dan apa cara yang boleh.

Yang Dipertua Kelab Alumni itu, Encik Sulaiman Abdullah menegaskan Alumni tersebut berharap dapat memberi kesedaran besar dan usahausaha yang lebih meluas akan dilaksanakan bagi melahirkan esekutif perdagangan bagi menampung masa peralihan dari pertanian kepada perindustrian. — Bernama